

01/09/2002

Pas nafi guna pengundi hantu

ALOR STAR: Pas Kedah menafikan dakwaan Umno, bahawa parti pembangkang itu mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dalam pilihan raya kecil 18 Julai lalu, melalui penggunaan pengundi hantu.

Sebaliknya, Pas menuduh kononnya Umno merampas kerusi Parlimen Pendang dalam pilihan raya kecil itu menggunakan taktik kotor itu, selain menggugurkan pengundi Pas daripada senarai daftar pemilih.

Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak berkata, Pas tidak pernah memindahkan lebih 500 pengundi dari luar DUN Anak Bukit ke kawasan itu untuk memastikan kemenangan Pas.

Selain itu, katanya, Pas juga tidak pernah mengeluarkan nama pengundi yang tidak menyokong Pas daripada senarai daftar pemilih sama ada di Anak Bukit atau Pendang.

Sebaliknya, Azizan yang juga Ketua Penerangan Pas Pusat, mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sengaja menuduh Pas menggunakan pengundi hantu, kerana Umno mempunyai pengalaman menggunakan pengundi hantu' sama ada dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri kelmarin, Umno meminta senarai daftar pemilih semua kawasan pilihan raya dikaji semula supaya ia bersih pengundi hantu.

Ini kerana, semakan Umno terhadap senarai daftar pemilih dalam pilihan raya kecil DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang, 18 Julai lalu, mendapati Pas menggunakan pengundi hantu untuk mengekalkan kemenangan di Anak Bukit.

Dr Mahathir berkata, semakan di empat peti undi DUN Anak Bukit mendapati ada lebih 500 pengundi hantu, iaitu mereka yang bukan lahir atau bekerja di kawasan itu.

Dalam pilihan raya kecil DUN Anak Bukit, calon Pas, Amiruddin Hamzah menewaskan calon BN, Datuk Zakaria Said, dan bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang pula, calon BN, Datuk Othman Abdul menewaskan calon Pas, Dr Mohd Hayati Othman.